



SOALAN LAZIM
MENGENAI PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA PEKERJA
UNTUK KEGUNAAN PEGAWAI JTKSM SAHAJA

1. Apakah dasar Kerajaan berhubung dengan vaksinasi COVID-19 ?

Vaksinasi COVID-19 adalah secara sukarela dan akan diberikan secara percuma kepada semua penduduk Malaysia sama ada warganegara atau bukan warganegara. Pendekatan Kerajaan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 80% penduduk dewasa Malaysia menerima vaksin menjelang Februari 2022 untuk mengurangkan penularan wabak COVID-19.

2. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan bagi menggalakkan pekerja untuk menerima vaksinasi ?

Majikan adalah dinasihatkan mengambil usaha-usaha berikut bagi memastikan pekerja divaksinasi iaitu:

- (a) meyakinkan pekerja melalui program-program kesedaran mengenai kepentingan vaksin dan keperluan untuk mewujudkan persekitaraan kerja yang sihat dan selamat. Bagi tujuan ini majikan boleh memohon bantuan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);
- (b) bagi pekerja baharu, majikan boleh mewujudkan peruntukan di dalam kontrak perkhidmatan mengenai keperluan untuk vaksinasi. Bagi pekerja sedia ada, rundingan perlu diadakan bersama pekerja dan kesatuan sekerja yang terlibat (jika ada) bagi mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada setiap pekerja yang terlibat untuk pelaksanaan vaksinasi;
- (c) memberikan ganjaran kepada pekerja yang telah divaksinasi dari segi imbuhan, *time off* berbayar semasa mendapatkan vaksin atau *unrecorded recovery leave* untuk tempoh tertentu sekiranya terdapat kesan sampingan vaksin; dan

(d) lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.

3. Adakah majikan boleh mewajibkan pekerjaanya supaya mengambil vaksinasi bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di tempat kerja ?

Terdapat empat (4) keadaan di mana majikan **dibenarkan** untuk mewajibkan pekerjaanya supaya mengambil vaksinasi iaitu:

- (a) terdapat peruntukan khusus di dalam kontrak perkhidmatan yang membolehkan majikan mengarahkan pekerja mengambil vaksinasi;
- (b) terdapat arahan Kerajaan yang mewajibkan majikan memastikan pekerjaanya mendapat vaksinasi sebelum dibenarkan beroperasi;
- (c) pekerjaan pekerja terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19 contohnya pekerja yang bekerja di dalam hospital yang merawat pesakit COVID-19; DAN
- (d) pekerja bekerja atau berurusan dalam premis kepunyaan pihak luar yang menghadkan akses kepada individu yang telah divaksinasi sahaja.

Walau bagaimanapun, majikan **tidak dibenarkan** mewajibkan pekerjaanya mengambil vaksinasi dalam mana-mana keadaan yang dinyatakan di atas sekiranya pekerja berkenaan tidak boleh mengambil vaksinasi atas alasan kesihatan yang disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

4. Sekiranya seseorang pekerja tergolong dalam mana-mana empat (4) keadaan yang dinyatakan di perenggan 3 enggan untuk divaksinasi, bolehkah majikan mengambil tindakan disiplin ke atas pekerja berkenaan?

Pekerja yang enggan mematuhi arahan majikan supaya mengambil vaksinasi boleh dianggap telah melakukan salah laku dan boleh dikenakan tindakan disiplin. Walau bagaimanapun majikan perlu memberi peluang kepada kepada pekerja berkenaan untuk membela diri terlebih dahulu melalui satu siasatan selaras dengan peruntukan seksyen 14 Akta Kerja 1955. Sekiranya didapati bersalah, hukuman yang dikenakan hendaklah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

5. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan terhadap pekerja yang belum mengambil vaksinasi COVID-19 ?

Majikan adalah dinasihatkan supaya mengambil langkah penyediaan tempat kerja yang selamat dan sihat berlandaskan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk pekerja yang tidak divaksin seperti berikut:

- (a) menjalankan mod bekerja dari rumah (mengambil kira kesesuaian pekerjaan);
- (b) memindahkan pekerja ke persekitaraan kurang berisiko;
- (c) memastikan semua *standard operating procedure* (SOP) COVID-19 dipatuhi sepenuhnya seperti pemakaian pelitup muka, pengambilan suhu badan, *hand sanitizer*, penjarakan sosial, proses disinfeksi (mengikut keperluan) dan sebagainya;
- (d) menjalankan ujian saringan COVID-19 secara berkala dengan kos ujian ditanggung sepenuhnya oleh majikan atau berunding dengan pekerja yang terlibat supaya kos ditanggung secara bersama; dan
- (e) lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.